

Konsep aman: K-sama China diminta

KUALA LUMPUR, Sabtu.— Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, Kerajaan Malaysia yakin Parti Komunis China (PKC) sedang memberi sokongan moral kepada Parti Komunis Malaya (PKM) yang diharamkan di negara ini.

Bagaimanapun, Kerajaan tidak dapat memastikan sama ada PKC memberikan bantuan ketenteraan kepada PKM.

Datuk Seri Dr. Mahathir, menegaskan demikian ketika diminta mengulas kunjungan Perdana Menteri China, Encik Zhao Ziyang ke sini selama tiga hari mulai esok.

Katanya, Malaysia telah meminta orang kuat China, Encik Deng Xiao Ping supaya memutuskan perhubungan partinya dengan PKM.

Encik Deng, Timbalan Kanan Perdana Menteri, yang melawat Kuala Lumpur tiga tahun lalu, kemudian menegaskan bahawa perhubungan antara PKC dengan PKM tidak mempunyai pertalian dengan perhubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, selepas lawatan pemimpin China itu ke Malaysia, terbukti sedikit perubahan dijalankan oleh Kerajaan China.

Umpamanya, siaran radio Suara Revolusi Malaya dari pengkalannya di China telah diberhentikan.

Tetapi, sebuah stesen radio lain yang dipercayai berpangkalan dari Selatan Siam, yang dikenali sebagai Suara Demokrasi Malaya pula telah wujud.

Kemunculan stesen radio propaganda komunis yang baru ini membawa Malaysia kepada keadaan lama sewaktu Suara Revolusi Malaya memancarkan siarannya, kata Perdana Menteri selepas melayani 150 kanak-kanak yatim dan cacat di kediamannya di sini petang tadi.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang dijangka mengadakan dua perjumpaan dengan Perdana Menteri Zhao mulai petang esok, berkata beliau mengharapkan persefahaman dan kerjasama dari China berkenaan konsep aman, bebas dan berkecuali di kawasan Asia Tenggara.

Konsep tersebut adalah untuk mewujudkan gabungan politik demi perhubungan di kalangan negara-negara di kawasan ini, supaya mengawal penglibatan kuasa-kuasa luar dan mengelakkan mereka dari terlibat secara politik dan ketenteraan dalam hal ehwal negara-negara Asia Tenggara.

Ia juga merupakan prinsip untuk mengelakkan negara-negara di rantau ini dari melibatkan diri dalam permusuhan di kalangan negara-negara besar.

Berkenaan perdagangan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia akan berusaha supaya mendapat perdagangan langsung dengan China serta menambahkan lagi jumlah eksportnya terutama bijih timah dan getah.

No. Siri 12, 294
No. Penerimaan 4107'1

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia